

## Kita Masih Kurang Hargai Alam

Oleh

Mubamad Zaki Jalil

---

MENURUT Karl Mannheim di dalam bukunya *Ideology and Utopia*, ketiadaan konsep mengenai sesuatu masalah selalunya menandakan bukan sahaja tiadanya pandangan tetapi juga tiada keinginan atau kebolehan sesetengah pihak untuk menangani masalah dalam kehidupan mereka.

Bagi masyarakat Melayu setempat, antara masalah yang tidak kelihatan hadir dalam pemikiran mereka ialah masalah pemuliharaan alam.

Salah satu tanda kurang pekanya mereka adalah kurangnya sukarelawan dan peserta Melayu dalam kegiatan berkaitan 'mencintai alam' anjuran kumpulan pencinta alam.

Begitu juga kurangnya penulisan yang membincangkan masalah alam semula jadi. Mengapa mereka tidak minat dan tidak peka dengan isu-isu alam semula jadi?

Memang ada beberapa sebab yang boleh diketengahkan.

Pertama, boleh dikatakan minat dan kesedaran tentang isu sekitaran sering kali bermula di kalangan mereka yang semakin mewah dan semakin tinggi pencapaian akademiknya.

Selalunya, golongan masyarakat pertengahan, atau middle-class, inilah yang lebih sering mengemukakan kritikan terhadap dasar pemerintah yang boleh membahayakan alam semula jadi.

Fenomena ini, yang dikenali sebagai *Environmental Kuznet Curve*, mengutarakan idea bahawa semakin kemewahan segolongan masyarakat meningkat, semakin bertambahlah kesedaran bahawa alam semula jadi tidak boleh dikorbankan atas nama pembangunan dan kemajuan.

Walaupun masyarakat Melayu Singapura sering dipaparkan sebagai masyarakat yang semakin maju, akan tetapi kemajuan ini, jika dibandingkan secara relatif, masih belum lagi dapat mempengaruhi masyarakat itu secara keseluruhannya ke tahap yang disebutkan Kuznet.

Oleh kerana sibuk bekerja untuk mencari wang bagi menampung kehidupan, membayar hutang dan sebagainya, maka kuranglah masa lapang untuk menyertai aktiviti penjagaan alam.

Akan tetapi, taraf sosio-ekonomi tidak boleh menjadi satu-satunya alasan. Terdapat juga kemungkinan lain.

Ini termasuklah kemungkinan pemahaman agama masyarakat Melayu masih belum mendalam dan meluas.

Sebagaimana yang digembar-gemburkan ramai, manusia telah dilantik sebagai khalifah di bumi ini. Ini bermakna bumi adalah amanah dari Maha Pencipta.

Kemungkinan besar, sifat peka akan tanggungjawab inilah yang telah membuahkan beberapa undang-undang syariah di masa dulu, untuk menjaga tempat-tempat alam semula jadi.

Sebagai contoh, hima (hutan simpanan), telah wujud semasa zaman kerajaan Islam dahulu untuk memelihara tempat-tempat semula jadi.

Begitu juga dalam abad ke-13 dahulu, apabila seorang fuqaha bernama Izz ad-Din Ibn Abd as-Salam telah memutuskan haiwan juga mempunyai hak dalam undang-undang syariah.

Contoh seperti ini, dan banyak lagi, membuktikan masalah alam semula jadi mestilah diteliti dengan cara serius bagi mereka yang mengaku beriman.

Malah, perhatian yang diberi kepada permasalahan alam sepatutnya lebih serius kerana gelaran Khalifah yang diberi.

Tentunya, dengan pelbagai masalah alam yang wujud dewasa ini, isu-isu pemuliharaan dan penjagaan alam semula jadi mestilah lebih penting daripada masalah khilaf yang sering mengisi masa-masa perbincangan.

Ini termasuklah memikirkan adakah Maulid itu bidaah atau tidak, atau juga hal-hal jin yang sering dibincangkan dalam klinik atau seminar perubatan alternatif.

Tetapi mungkin juga ada yang bertanya apa gunanya kita peka dengan masalah ini sedangkan banyak lagi masalah yang belum dihuraikan?

Ada juga yang akan bertanya bagaimana pula mengambil tahu alam semula jadi dapat memberi kesan positif dalam kehidupan harian?

Sebenarnya cara ini sangat berkesan untuk memupuk tabiat dan sifat ambil tahu tentang perkara yang berlaku di sekitaran mereka.

Dengan lebih aktif memikir dan mengambil bahagian, masyarakat kita dapat menonjolkan bahawa mereka bukanlah masyarakat yang bersifat eksklusif yang hanya kisah akan nasib kaum sendiri tanpa menghiraukan masalah negara atau sejagat.

Bagaimanakah pula dapat diubah keadaan ini?

Satu cara berkesan adalah dengan memikirkan isu ini secara kritikal dan serius.

Ini bagi memastikan sikap memberi alasan atas kelemahan sendiri di samping sikap yang dapat mengaburkan pemahaman situasi sebenar tidak diberi sebarang ruang untuk merosakkan analisis kita untuk memperbaiki situasi tersebut.

Dan ini mestilah bermula dengan peranan ahli cerdik pandai dan intelektual di kalangan anggota masyarakat itu.

Begitu juga besar peranan yang boleh dimainkan para guru dan asatizah agar mereka dan juga anak didik mereka dapat meningkatkan kesedaran mengenai isu alam sekitaran.

Akhir sekali, tidak lupa juga peranan ibu bapa yang dapat memupuk sifat bertanggungjawab dan cinta anak-anak kepada alam semula jadi yang dicipta Sang Pencipta.

\*\*\*\*\*

*[Artikel ini telah disiarkan di Berita Harian pada 13hb Mei 2005.]*